



ROADSHOW INTEGRITI DILANCAR BANTU KERAJAAN NEGERI PERKUKUH BUDAYA BERINTEGRITI

Laporan penuh muka surat 4



CONTENTS / KANDUNGAN



EDITORIAL

03 Lipatan sejarah pupuk integriti

SPECIAL EVENT / PROGRAM KHAS

04 Roadshow **INTEGRITI** 2017 dilancar, bantu kerajaan negeri perkukuh budaya berintegriti

BREAKFAST TALK / SYARAHAN

06 Peranan belia dalam melestarikan keamanan - perspektif integriti

NEWS / BERITA

07 Sambutan meningkat, pegawai Kastam ikuti program rintis modul integriti

08 Pengalaman berharga Mohammad Diah ukir wajah-wajah awal **INTEGRITI**

09 *Pelaburan Hartanah Berhad's integrity awareness enhancement programme - another good example*

10 *INTEGRITI extends support to MICG to enhance corporate governance*

11 Bengkel semakan semula pelan integriti bagi memperkasa Jabatan Kerja Raya

FEATURES / RENCANA

12 *Fight against corruption must start early*

13 Terap nilai integriti dalam pengisian kemerdekaan

NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU DI PUSAT ILMU INTEGRITI

14 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu **INTEGRITI**

GALLERY / GALERI

15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di **INTEGRITI**

EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

Advisor / Penasihat

Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff

Editor / Pengarang

Norsheeda Din

Assistant Editors / Penolong Pengarang

Aimi Farhana Mohd Amin
Zareena Izmin Ismail

Photographer / Jurufoto

Izal Arif Zahrudin

Layout / Reka Letak

Azni Husairi

Contributors / Penyumbang

Fara Hasda Suhaimi
Harisham Ibrahim
Norasikin Baharudin
Mohd Ismail Abdul Jalil
Mohd Yany Yusoff
Mohd Rais Ramli

Published monthly by / Diterbitkan setiap bulan oleh

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (INTEGRITI)

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

LIPATAN SEJARAH PUPUK INTEGRITI

Ogos sinonim dengan Bulan Kemerdekaan. Tanggal keramat 31 Ogos 1957 menandakan berakhirnya penjajahan British dan pemasyhuran era kemerdekaan. Mengambil semangat ini, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) meneruskan usaha murni memupuk budaya berintegriti berintegriti tinggi di kalangan rakyat sekali gus menyebarkan agenda integriti menerusi Roadshow INTEGRITI 2017.

Roadshow INTEGRITI 2017 merupakan antara pendekatan dua hala INTEGRITI bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri memupuk budaya berintegriti dengan mengumpulkan maklumat, meneliti isu-isu yang wujud dan mencari penyelesaian kepada masalah integriti di negeri masing-masing.

INTEGRITI juga melihat ia sebagai satu mekanisme turun padang dalam usaha menjayakan agenda pembudayaan, penghayatan dan pengukuhan integriti, selari dengan objektif Pelan Integriti Nasional (PIN), di mana ia dapat memberi gambaran jelas dalam perencanaan program atau aktiviti integriti agar lebih tersusun, terarah dan sistematik serta meninggalkan kesan dan impak yang menyeluruh ke atas kumpulan sasaran. Roadshow INTEGRITI 2017 berkongsi apa jua data yang terkumpul berkenaan pelaksanaan program dan aktiviti integriti di peringkat negeri atau agensi pelaksana di seluruh Malaysia dan sekali gus mendekatkan peranan INTEGRITI kepada masyarakat di seluruh negara.

Setiap penjelajahan pasti akan ada hasilnya. Bertepatan dengan konsep ini, hasil dapatan melalui perbincangan Roadshow INTEGRITI di setiap negeri akan dikumpul dan dimuat naik ke satu sistem yang dibangunkan oleh INTEGRITI yang dinamakan Dashboard INTEGRITI. Ia merupakan satu paparan dalam bentuk pembangunan analisis yang informatif dan interaktif, memfokuskan kepada isu-isu yang ada atau wujud di setiap negeri, terutama yang melibatkan aspek integriti agar program intervensi dan penyelesaian terbaik kepada masalah tersebut dapat dilaksanakan.

Selain itu, produk-produk INTEGRITI iaitu Instrumen Penilaian Integriti (IAT) - satu kaedah penilaian tahap organisasi untuk mengenal pasti pembaharuan dan keutamaan untuk mengukuhkan sistem tadbir urus, Profil Integriti Malaysia (MIP) bagi mengenal pasti tahap kecenderungan seseorang individu yang bertindak tidak berintegriti, Pelan Integriti Organisasi (PIO), pelan integriti yang digubal untuk membantu agensi membangunkan strategi integriti korporat secara menyeluruh, dan Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (PIBK) yang

merupakan pendekatan untuk memperbaiki sistem penyampaian melalui penglibatan komuniti atau pekerja syarikat berdasarkan prinsip pembudayaan integriti.

Siri penjelajahan ini akan diadakan di seluruh negara bermula pada bulan Ogos 2017. Ia telah dilancarkan di Shah Alam, Selangor pada 15 Ogos 2017.

Perjuangan memupuk budaya berintegriti juga merupakan usaha murni yang memerlukan pengorbanan rakyat setiap lapisan masyarakat. Jika pengasas-pengasas kemerdekaan mengorbankan aspek-aspek yang berharga demi mencapai kemerdekaan dan membebaskan Malaysia daripada penjajah, rakyat pada hari ini juga perlu membuat pengorbanan yang sama bagi melahirkan masyarakat yang berintegriti dan menjauhi amalam-amalan yang tidak sihat. Sempena sambutan Bulan Kemerdekaan, INTEGRITI juga akan melancarkan dokumentari Jejak Mat Kilau pada bulan depan.

Bersama kita doakan agar usaha murni INTEGRITI ini diberkati Allah SWT.

Salam hormat dan selamat membaca.

NORSHEEDA DIN

ROADSHOW INTEGRITI 2017 DILANCAR, BANTU KERAJAAN NEGERI PERKUKUH BUDAYA BERINTEGRITI

Oleh Norsheeda Din

Program turun padang Roadshow INTEGRITI 2017, yang bermula di Shah Alam, Selangor pada 15 Ogos 2017, mendapat penerimaan positif pelbagai pihak yang hadir sama. Persinggahan sulung ini diilhamkan akan membantu kerajaan negeri dalam usaha memperkukuh budaya berintegriti tinggi.

Pendekatan jelajah ke seluruh negara ini adalah satu platform penting bagi kerajaan-kerajaan negeri menjayakan agenda pembudayaan, penghayatan dan pengukuhan integriti selaras dengan Pelan Integriti Nasional (PIN). Ia memberi gambaran jelas dalam perancangan program atau aktiviti integriti agar lebih tersusun, terarah dan sistematik serta meninggalkan kesan dan impak yang menyeluruh ke atas kumpulan sasaran.

Roadshow INTEGRITI di Selangor telah dirasmikan oleh Dato' Mazalan Md Noor, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Selangor di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz, Shah Alam Selangor.

Usaha ini akan memperlihatkan dengan lebih jelas apakah isu-isu yang ada atau wujud di negeri masing-masing, terutama



Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff (kiri) menerima cenderahati daripada Dato' Mazalan Md Noor.

yang melibatkan integriti. Malah dengan maklumat yang ada pihak atau agensi berkaitan dapat mencari penyelesaian terbaik untuk meningkatkan tahap integriti di negeri masing-masing.

Dalam ucapannya, Dato' Mazalan yakin Roadshow INTEGRITI akan membantu Kerajaan Negeri Selangor memperkukuhkan budaya berintegriti tinggi dalam kalangan rakyat negeri itu.

“Dalam menangani isu integriti, salah laku, penyelewengan dan jenayah rasuah dalam kalangan penjawat awam di Selangor, Pejabat SUK sentiasa memantau dan mengambil perhatian terhadap informasi dan maklumat yang disalurkan oleh kakitangan atau orang awam sendiri.”



Para peserta bergambar berkumpul setelah selesai program Roadshow INTEGRITI.

Selepas majlis perasmian, program Roadshow INTEGRITI diteruskan dengan pembentangan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dato' Dr Anis Yusal Yusoff. Beliau membentangkan hasil kajian dan data yang ada kaitan dengan isu-isu integriti peringkat negeri Selangor. Ia disusuli dengan pembentangan oleh Ketua Sekretariat Roadshow INTEGRITI, Hamilye Sham Harun, yang juga merupakan Ketua Penyelaras Program Koordinasi dan Pemantauan INTEGRITI.

"Maklumat yang dikongsi dengan hadirin memberi gambaran menyeluruh mengenai kedudukan di setiap negeri, termasuk di Selangor dan ia juga mencadangkan syor penyelesaian kepada isu-isu yang wujud," kata beliau.

Data yang dikumpul dimuat naik dalam sistem yang dinamakan Dashboard INTEGRITI. Ia merupakan paparan dalam bentuk pembangunan analisa yang informatif dan interaktif.

"Segala maklumat berkaitan isu integriti di peringkat negeri dapat dikongsi bersama bagi tujuan rujukan dan tindakan agensi pelaksana."

"Sistem ini juga akan memberi kemudahan secara mendalam kepada agensi pelaksana bagi tujuan mengenal pasti sebarang ketidakberkesanan atau boleh menjangkakan perubahan trend sesuatu program," katanya.

Pengumpulan data juga turut dibuat berdasarkan fakta-fakta sekunder yang diperolehi melalui dapatan Kajian Persepsi Integriti Nasional, Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Laporan Tahunan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, data Jabatan Perangkaan Malaysia dan laporan media massa.

INTEGRITI juga menggunakan platform ini untuk berkongsi tentang program-program integriti atau kaedah baru selain daripada program berbentuk ceramah kepada pihak kerajaan negeri. Antaranya program seperti Breakfast Talk INTEGRITI, Perbincangan Meja Bulat (RTD), Diskusi Penyelidikan dan Integrity Art Night (IAN). Roadshow INTEGRITI 2017 turut memperkenalkan produk dan instrumen Instrumen Penilaian Integriti (IAT), Profil Integriti Malaysia (MIP), Pelan Integriti Organisasi (PIO), Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (PIBK) dan Modul Integriti Prasekolah (MIPs).

Peserta yang hadir dalam program ini telah memberikan pandangan dan input cadangan dalam sesi bengkel yang telah diadakan, dan isu dan penyelesaian yang telah dikenal pasti akan disediakan dalam bentuk laporan bagi menangani permasalahan berkaitan integriti.

Mengenai program ini, Pegawai Psikologi Ibu Pejabat Polis Selangor, Kuay Shiau Lan berkata Dashboard INTEGRITI merupakan satu pendedahan kepada beliau kerana maklumat terkini dibekalkan tentang isu-isu integriti yang wujud di Selangor.

"Bagi saya, paling penting, Dashboard INTEGRITI memberi satu maklumat yang terkini dan tepat kepada pencari maklumat yang hendak tahu info dengan cepat mengenai isu-isu integriti di sesuatu tempat," kata beliau.

Dalam pada itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya Abdul Hamid Hussain berkata Roadshow INTEGRITI memberi peluang untuk mengenali dengan dekat Dashboard INTEGRITI yang memberi maklumat terkini yang boleh menyokong usaha menyelesaikan isu-isu berkaitan integriti.



PERANAN BELIA DALAM MELESTARIKAN KEAMANAN - PERSPEKTIF INTEGRITI

Oleh Fara Hasda Suhaimi



Para peserta yang menyertai Breakfast Talk INTEGRITI: Belia Melestarikan Keamanan pada 22 Ogos 2017.

Rata-rata peserta Program Breakfast Talk INTEGRITI Siri 9/2017 yang mengupas topik “Belia Melestarikan Keamanan: Perspektif Integriti” berpandangan bahawa golongan belia perlu diberi bimbingan bersifar holistik bagi menjadikan mereka rakyat yang berkualiti.

Dengan merujuk kejadian-kejadian tidak diingini membabitkan golongan belia Timbalan Presiden Majlis Belia Malaysia, Jufitri Joha berkata setiap anggota masyarakat perlu memberi sokongan padu kepada para belia, yang pernah terlibat dengan gejala kurang sihat seperti penyalahgunaan dadah, keganasan dan sebagainya.

“Ini bagi meningkatkan semula moral dan semangat para belia ini, seterusnya dapat menempuhi cabaran hidup dengan lebih baik,” kata beliau yang berkongsi pengalaman dalam menangani masalah belia di negara kita. Beliau mengaitkan integriti dengan kesejahteraan hidup, di mana aspek itu amat penting dalam pembangunan diri mereka.

Program itu telah berlangsung pada 22 Ogos 2017 di Menara INTEGRITI. Seramai 60 peserta menjayakan program ini yang diadakan bersempena sambutan Hari Belia Antarabangsa, yang disambut pada Ogos setiap tahun.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Pengurusan Sukan, Majlis Sukan Negara, Suhardi Alias berkongsi pengalaman beliau dengan menyeru agar masyarakat memberi kepercayaan kepada para belia kerana mereka yang bakal menjadi pemimpin pelapis.

Katanya, generasi kini sangat berani dan bersedia menempuh segala cabaran. “Kita perlu memberi reaksi positif bagi memenangi hati para belia.”

ASP Azman Omar dari Risikan/Operasi E8, Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Bukit Aman turut dijemput sebagai salah seorang pembincang program ini. Berkongsi pengalaman sebagai salah seorang anggota polis Cawangan Khas, kata beliau, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melantik pegawai polis di sekolah-sekolah untuk dengan tujuan merapatkan hubungan di antara sekolah dan pihak polis. KPM juga telah menyenaraikan sebanyak 402 sekolah di seluruh Malaysia yang dikategorikan sebagai sekolah bermasalah.

Program kali ini telah menghimpunkan satu pendirian bersama bahawa isu-isu membabitkan belia memerlukan pendekatan pelbagai sudut untuk ditangani. Terutama apabila membabitkan budaya berintegriti yang memerlukan asas yang kukuh.

SAMBUTAN MENINGKAT, PEGAWAI KASTAM IKUTI PROGRAM RINTIS MODUL INTEGRITI

Oleh Harisham Ibrahim

Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan yang dibangunkan oleh INTEGRITI dengan kerjasama Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), yang bermatlamat untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan integriti pegawai penguat kuasa, terus mendapat penerimaan yang baik daripada agensi-agensinya terbabit.

Bagi menilai keberkesanan modul itu, INTEGRITI sekali lagi mengadakan program rintis dengan melihat kepada impak dan kefahaman terhadap modul yang disampaikan. Ia berlangsung dari 1 hingga 3 Ogos 2017 di Dewan Murni, Menara INTEGRITI.

Program rintis kali ini telah diadakan dengan kerjasama Bahagian Integriti, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam). Seramai 29 orang pegawai Kastam dari pelbagai cawangan di seluruh negara telah mengikuti program rintis ini.

Seperti program rintis sebelum ini, para peserta telah didedahkan kepada senario

kehidupan seseorang pegawai penguat kuasa dan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh mereka. Isu-isu penjagaan imej organisasi agensi penguatkuasaan seperti elemen kesegeraan dalam melaksanakan tugas, semangat berpasukan dan perkara-perkara yang menjadi keutamaan pelanggan telah dibincangkan dalam program rintis ini.

Selain itu, mereka juga didedahkan dengan topik Pengurusan Kewangan Pegawai Penguat Kuasa yang menekankan kepentingan menguruskan pendapatan dengan cara yang betul agar mereka tidak terlibat dengan salah laku seperti rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Interaksi antara fasilitator dan peserta menjadikan program rintis ini lebih menarik dan mudah difahami. Banyak soalan dan perkongsian pengalaman telah diajukan oleh pegawai-pegawai Kastam yang menyertai program ini.

Bagi menilai keberkesanan program rintis ini, INTEGRITI turut mengedarkan soalan pra dan pasca program rintis yang



merangkumi soalan pemahaman tentang rasuah, pemahaman tentang integriti dan juga pemahaman tentang kandungan modul. Dari analisis yang dibuat terhadap jawapan yang telah diberikan oleh peserta program rintis ini, didapati tahap pemahaman peserta terhadap ketiga-tiga elemen tersebut telah meningkat.

Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan yang dilancarkan tahun lalu boleh digunakan oleh kesemua agensi penguatkuasaan. Pemahaman dan penghayatan terhadap program nilai-nilai murni yang diterapkan oleh pihak kerajaan amat perlu bagi mengelakkan pegawai penguat kuasa terlibat dalam salah laku semasa mereka bertugas.



Pegawai Kastam bergambar bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr. Anis Yusaf Yusoff setelah tamat program.

PENGALAMAN BERHARGA MOHAMMAD DIAH UKIR WAJAH-WAJAH AWAL INTEGRITI

Oleh Norasikin Baharudin

Satu tempoh selama 13 tahun bersama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bagi Mohammad Diah Wahari merupakan perjalanan amat berharga di mana ia mendedahkan beliau kepada persekitaran cukup bernilai dan bermakna.

Beliau merupakan warga perintis INTEGRITI yang diamanahkan untuk meletakkan 'wajah dan struktur' pada tahun 2004 sebaik sahaja kerajaan mengumumkan penubuhan institut ini.

Dalam satu temu bual baru-baru ini, beliau telah berkongsi pengalaman bersama INTEGRITI apabila dipilih untuk memikul tugas sebagai Pengurus Unit Pentadbiran ketika itu.

"Bagi saya ia sesuatu yang sungguh bermakna. Ia telah memberikan satu peluang yang emas untuk membina diri saya dan membangunkan INTEGRITI... satu nilai yang sangat sukar untuk dicari," kata beliau. Menurut beliau, pada awalnya organisasi ini dinamakan sebagai Institut Etika Awam Malaysia (IEAM) dan kemudiannya diberi nama Institut Integriti Malaysia.

Antara tugas awal beliau ialah mendaftarkan institut ini di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Syarikat 1965 dan kemudian menyediakan bajet tahunan, menguruskan pengambilan tenaga kerja dan segala kelengkapan yang diperlukan.

"Ketika itu saya ditugaskan untuk menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan bantuan dua kakitangan sokongan, kami bekerja dari tingkat tiga... itulah pejabat kami. Hari ini saya bangga melihat kemajuan yang dicapai oleh INTEGRITI," kata Mohammad Diah yang kontraknya bersama INTEGRITI berakhir Ogos lalu. Beliau kini berkhidmat dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Beliau juga berkongsi mengenai sejarah awal penubuhan INTEGRITI di mana pada awal tahun 2004, kakitangan dilantik secara pinjaman yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas di MAMPU, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan dan beberapa agensi yang lain.

Sumbangan beliau dari segi idea dan tenaga di INTEGRITI



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr. Anis Yusaf Yusoff menyampaikan cenderahati kepada Mohammad Diah (kanan).

selama lebih 12 tahun ternyata menyimpan seribu satu pengalaman dan banyak mengajar beliau dalam menerajui bagi menjadikan agenda integriti sebagai agenda nasional.

Beliau yang mesra dengan panggilan "Mat Diah" melahirkan kesyukuran yang tidak terhingga kerana telah diberi sepenuh kepercayaan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan ini. "Segala pahit manis sepanjang berkhidmat di INTEGRITI kekal menjadi sebuah memori yang sentiasa segar dalam ingatannya," katanya.

Mengenai harapannya, Mohammad Diah ingin melihat INTEGRITI kukuh di persada negara dan terus berusaha dalam memartabatkan agenda integriti melalui pelbagai usaha dan aktiviti yang dilaksanakan.

"Usaha yang telah bermula ini tidak wajar terhenti begitu sahaja demi sebuah matlamat iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri di mana para warganya mempunyai tahap integriti dan moral yang tinggi," kata Mohammad Diah yang tugas terakhir beliau di INTEGRITI adalah sebagai Pengarah Kanan dan Ketua Penyelaras Pusat Pembangunan dan Pelaksanaan Program, yang bertanggungjawab dalam memastikan setiap lapisan dan sektor masyarakat digerakkan secara fokus ke arah mencapai lima sasaran Tekad Integriti. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Sektor Awam.

PELABURAN HARTANAH BERHAD'S INTEGRITY AWARENESS ENHANCEMENT PROGRAMME - ANOTHER GOOD EXAMPLE

By Mohd Ismail Abdul Jalil and Mohd Yany Yusoff

The exposition on corruption suggests that corruption works like a parasitic plant; it creeps around any suitable house and leaches on it. But unlike any other house guest, if you feed on it, it just never leaves.

Now, speaking about houses, ethics are crucially important in the real estate industry going by the fact that a house would most likely be the largest single investment to a property investor. This was highlighted during the two-day Awareness Programme on Integrity, designed exclusively for Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) by the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) from 8th to 9th of August at the PHB Training Centre, in which participants deliberated on various integrity issues.

The programme, facilitated by INTEGRITI consultants including its President and Chief Executive Officer, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, consisted of four sessions. The participants, mostly PHB employees, were ranging from the clerical to the top management of PHB, including Datuk Kamalul Arifin Othman, its Group Managing Director and Chief Executive Officer.

The operations of PHB involves in the purchase of commercial properties and the sales of shares or equities to Bumiputra customers. This is to provide the latter with opportunities to invest in commercial properties. Since huge amounts of money are involved in the purchasing and selling of these properties, ensuring compliance in its procedures and business ethics is



Participants taking part actively during the discussion session.

crucial in order to ensure that there exists no leakages along the way.

In addition, the adherence and enhancement of good corporate governance would contribute towards building investor confidence in PHB's business operations.

The two-day session by INTEGRITI aimed at instilling the awareness on integrity among PHB employees as well as sharing some industry best practices with them.

Participants were also engaged in discussions that encouraged questions related to integrity issues existing in their organisation and within the industry.

The sessions also included case

study presentations on best possible solutions to address the various integrity issues highlighted in the case studies. The objective of the exercise was to ensure that PHB employees would prioritize the organization's interest above their personal, when carrying out their duties. On hindsight, the aim was to create a culture of integrity among PHB employees and towards its sustainability in the long run.

The Awareness Programme on Integrity provided an interactive platform that enabled participants to review ethical and integrity practices within their respective departments as well as within their organisation in which discussions were directed towards transformative initiatives to inculcate integrity in a strategic and effective manner.

INTEGRITI EXTENDS SUPPORT TO MICG TO ENHANCE CORPORATE GOVERNANCE

By Zareena Izmin Ismail



(From left) Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Dato' Yusli Mohamed Yusoff, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan and Datuk Talib Zulpilip during the launch.

It is of no coincidence that the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) was chosen to be the venue for the launch of the Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG) inaugural report on “Transparency in Corporate Reporting – Assessing Malaysia’s Top 100 Public Listed Companies” on August 8, 2017. The choice further resonates with Integrity Target 3 as contained in the National Integrity Plan (NIP) - to enhance corporate governance, business ethics and corporate social responsibility.

In his speech, Dato' Yusli Mohamed Yusoff, President of MICG, shared his input on the mechanics of the report. Companies covered in the assessment were Bursa Malaysia's top Private Limited Companies (PLCs) by market capitalisation

as of December 30, 2016 and they were assessed based on the publicly available data between 2015 and April 2017.

The report assesses the companies based on three dimensions: anti-corruption programmes that carries a weightage of 40%, organisational transparency and sustainability, each carrying a weightage of 30% respectively. In its findings, among the 15 companies that scored 50% or more in all three dimensions were Petronas Gas Bhd, Petronas Dagangan, Petronas Chemicals Group, Axiata Group, British American Tobacco (M) Bhd, Lafarge Malaysia, Malayan Banking Bhd, MISC Bhd, Nestlé Malaysia Bhd, RHB Bank Bhd, Sime Darby, Sunway Construction Group, Telekom Malaysia, Top Glove Corp Bhd and Westports Holdings Bhd. Eleven

other companies scored full points in at least one of the three dimensions.

He expressed his concern as there were only two companies out of the 100 that disclosed anti-corruption training programmes for its employees and directors. In the area of organisational transparency, there were unclear succession planning measures, while in terms of sustainability, it was found that there were a general disregard for human rights in businesses. However, on a positive note, government-linked companies scored better than multinational companies and family-run entities.

He said corporate governance standards play a pivotal role in promoting greater accountability in capital markets.

Meanwhile, Minister in the Prime Minister's Department, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan also agreed that corporate governance and sustainable development has become a key concern for investors as value can be destroyed by non-compliance to acceptable standards.

Datuk Paul Low further elaborated that he will be working with the Ministry of Finance to extend and enhance corporate governance compliance to all state-owned enterprises at the federal and state levels in accordance with the Cabinet's approval on the structure of the steering committee.

President and Chief Executive Officer of INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff and Minister in the Chief Minister's Office (Integrity and Ombudsman), Sarawak, Datuk Talib Zulpilip also attended the function.

BENGGKEL SEMAKAN SEMULA PELAN INTEGRITI BAGI MEMPERKASA JABATAN KERJA RAYA

Oleh Mohd Rais Ramli



Bengkel Semakan Semula Pelan Integriti Organisasi disertai oleh pegawai-pegawai Jabatan Kerja Raya.

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) terus mendapat jemputan untuk menjadi pusat rujuan agensi-agensi awam memperkukuhkan amalan integriti di organisasi masing-masing. Terbaharu pada bulan Ogos, Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kerjasama INTEGRITI telah melaksanakan Bengkel Semakan Semula Pelan Integriti Organisasi (PIO). Ia telah berlangsung pada 9 dan 10 Ogos.

Seramai 38 orang warga JKR yang mewakili setiap bahagian termasuk pegawai-pegawai integriti dari seluruh negara menyertai bengkel itu yang berlangsung di Menara INTEGRITI.

Bengkel ini membolehkan mereka memberi input serta merangka program dan aktiviti yang menjurus kepada peningkatan integriti warga JKR. Ia diadakan untuk memperkasakan amalan integriti yang merupakan teras kepada pembentukan sebuah organisasi yang kukuh serta seimbang dan seterusnya menyumbang ke arah kemakmuran negara.

Pemerhatian selama dua hari menunjukkan mereka yang menghadiri telah memperoleh gambaran segar mengenai langkah dan kaedah memperkukuhkan budaya berintegriti. INTEGRITI akan terus membantu JKR bagi mencapai matlamat akhir mereka.

Malah, bengkel seumpama ini adalah penting untuk dilaksanakan kerana JKR merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang amat penting dalam pembangunan negara dan semakan semula terhadap pelan integriti sedia ada harus dilakukan bagi merangka strategi dalam menangani isu dan cabaran integriti semasa.

Sepertimana bengkel-bengkel yang melibatkan agensi-agensi lain, pelaksanaan bengkel ini juga melalui beberapa peringkat. Ia dimulakan dengan bengkel *brainstorming* bagi mengenal pasti permasalahan integriti yang wujud di organisasi masing-masing dan punca-punca yang membawa kepada permasalahan itu.

Ini disusuli pula dengan bengkel *scoping* di mana strategi-strategi yang sesuai bagi menyelesaikan masalah-masalah yang telah disenaraikan dikenal pasti. Melalui sesi ini juga, para peserta dikehendaki merangka program atau aktiviti bagi menjayakan strategi yang telah dikenal pasti.

Pengurusan JKR berpeluang mengenal pasti isu-isu integriti semasa yang dihadapi JKR dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan negara.

Ketua Bahagian Integriti JKR, Ir. Dr. Hannerita Mohamad Zainal berkata, bengkel ini telah berjaya mengenal pasti dan membincangkan isu-isu integriti semasa yang dihadapi oleh jabatan itu dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

Semua isu terbabit akan ditangani melalui perancangan yang bersistematik yang telah digariskan dalam Pelan Integriti JKR (PIJKR) 2018-2020.

Justeru, adalah menjadi harapan agar PIJKR yang dibangunkan ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya demi pembangunan negara khususnya dan membudayakan integriti JKR umumnya.

FIGHT AGAINST CORRUPTION MUST START EARLY

By Wan Norliza Wan Mustapha
(Published in *The New Straits Times*, 1st August 2017)

A study conducted recently by the Malaysian Institute of Integrity on corruption should be taken seriously. The study involving some 400 local university students found that many of them regarded it as something that is acceptable and not a crime.

The study, which was also aimed at gauging the thinking of the future generation, showed that 36 per cent of respondents felt receiving kickbacks in the form of money and presents was not corruption, while 37 per cent believed making false claims was not wrong. Another 20 per cent thought it was acceptable to offer jobs to relatives over others.

Interesting findings, but quite alarming. Researchers know that many more studies should be conducted to determine the consistency in the findings if we are to accurately evaluate the actual scenario. However, while waiting for more research to be conducted, we can start re-looking at the options to remedy the situation. And, reviewing our understanding of “corruption” and what it means. This can be part of our strategy.

Corruption takes many forms. To some, accepting a *teh tarik* from someone who needs a favour is akin to accepting a bribe of thousands of ringgit. Some people think certain corporate activities are meant to win favours, too, although many would argue that the companies are just giving back to their stakeholders.

In fact, returning favours for some good deeds is part of our culture. Buying

lunch and even offering some cash is considered a way to say thank you. If this is the rationale our youth used as basis in their assessment of corruption, I fear that future research on the matter will yield the same results.

In general, corruption is understood as abuse of public resources for personal gain. According to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), it is the act of giving or receiving of any gratification or reward in the form of cash or in kind of high value for performing a task in relation to an officer’s job description.

Under the MACC Act 2009 (Act 694), it is wrong to solicit or receive gratification, offer and receive a bribe, intending to deceive (false claim), or abuse of power or position by accepting a bribe. Highlighting the law, legal implications and enforcement will help, but the fight against corruption must start early. Good values such as not offering or accepting bribes as inducement must be instilled at a very young age. Like manners, it has to be inculcated at a very early stage. Educating children about good values must be done continuously, and by example.

It is often too easy to blame parents for not providing the platform for children to develop into responsible citizens. It is also easy to blame others around us for being insensitive to the subject. We may blame the authorities, too, for not doing enough to put the problem in check.

It is very common for people to point fingers at each other despite knowing that containing corruption is a shared

responsibility. We have to agree on the need to work together, as a family institution, a community and as authorities. There is a need to jointly educate our young about integrity early. Values such as gratitude and honesty should be inculcated from small. We should strive to make integrity part of our culture.

I happened to watch a documentary by Al Jazeera recently on Bangladeshi workers who came to Malaysia. They were exposed to abuse by corrupt agents before leaving their homeland, and on reaching our shores, they were allegedly cheated by local agents who not only took away their passports, but forced them to work with minimal wages. There are many other documentaries and special reports by foreign media agencies on corruption in Malaysia. Even if the reports are questionable, the bad press is very damaging.

We need a concerted effort to deal with a multi-faceted problem such as corruption. We have to educate our children on what corruption entails, help them identify corrupt practices and teach them to refuse to participate in them. The community can help by setting up more networks of corruption fighters that will help unmask the corrupt.

Understanding the legal definition and understanding the severity of the punishment will not solve the problem. This has been proven many times, as reported in the local media. Efforts to weed out corruption have to start early. And make our fight against corruption a lifelong mission.

Wan Norliza Wan Mustapha is a former associate professor at the Academy of Language Studies, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.

TERAP NILAI INTEGRITI DALAM PENGISIAN KEMERDEKAAN

Oleh Nurul Nisha Mohd Shah
(Disiarkan di Berita Harian, 25 Ogos 2017)

Kurang seminggu rakyat Malaysia akan menyambut Hari Kemerdekaan Ke60. Tambah meriah sambutan kemerdekaan Jubli Intan tahun ini berlangsung ketika rakyat negara ini bersorak gembira atas kejayaan pasukan Harimau Malaya yang mengaum dengan megahnya pada acara Sukan SEA Ke29.

Laungan semangat 'Malaysia Boleh' terus membara dan menyala seakan mempamerkan begitulah juga rasa patriotisme dan jati diri yang kekal teguh dalam jiwa ini.

Kemerdekaan adalah nikmat kebebasan yang diinginkan setiap insan. Negara merdeka mampu membangunkan modal insan dan berupaya mentadbir tanpa campur tangan negara lain.

Kemerdekaan adalah cerminan harga diri yang tinggi dan nilai ketamadunan bangsa yang berjaya. Jika dahulunya pejuang menuntut kemerdekaan daripada penjajah dengan mengangkat senjata, berkorban jiwa dan raga.

Perjuangan tidak seharusnya terhenti selepas mendapat kemerdekaan. Kita sebagai rakyat Malaysia harus mengisi kemerdekaan ini dengan sebaik-baiknya.

Antara pengisian kemerdekaan yang dapat dilakukan pada masa kini adalah dengan menerapkan nilai murni dalam diri setiap individu seperti jujur, ikhlas, bertanggungjawab dan berintegriti dapat membangunkan modal insan cemerlang.

Pekerja berintegriti organisasi cemerlang

Seorang individu yang berintegriti pastinya pekerja yang cemerlang dan aset berguna kepada organisasi dan negara, amnya. Individu itu pasti menuruti setiap peraturan ditetapkan majikannya. Dia juga akan memastikan visi dan misi organisasi tempat dia bekerja tercapai kerana dia sedar bahawa dia antara penyumbang pembangunan kecemerlangan organisasinya.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mengambil inisiatif mengadakan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang dijalankan kepada badan kerajaan. Pendekatan seumpama ini wajar diberi sokongan padu dan diperluaskan kepada badan bukan kerajaan dan institusi pengajian tinggi.

Perkongsi mengenai rasuah dan nilai integriti ini bukan hanya perlu diadakan kepada mereka yang dalam perkhidmatan, tetapi juga kepada mereka yang bakal menjawat jawatan dalam perkhidmatan.

Pelajar di institusi pengajian tinggi perlu tahu dan memahami sepenuhnya integriti, kejujuran, tanggungjawab dan komitmen kepada tugas agar mereka dapat mempersiapkan diri sebagai pekerja yang baik sejak awal lagi.

Ibu bapa juga turut memainkan peranan penting dalam menunjukkan nilai baik kepada anak. Ibu bapa berintegriti pastinya melahirkan anak berintegriti.

Ibu bapa hendaklah sering mempamerkan semangat dan keikhlasan dalam bekerja. Tunjukkan kepada anak betapa anda komited dalam

menyempurnakan tanggungjawab sebagai pekerja.

Jika menerima pengiktirafan organisasi, jangan lupa berkongsi kegembiraan itu dengan anak. Hal ini amat penting dalam melatih sikap dedikasi anak apabila melakukan tugas diberikan.

Namun, jangan pula bekerja sehingga mengabaikan keluarga di rumah. Seimbangkan urusan kerja dan tanggungjawab bersama ahli keluarga di rumah supaya tiada yang terabai.

Selain itu, media massa juga harus memainkan peranan menyebarkan maklumat telus dan benar kepada masyarakat. Penggiat seni seperti pengarah filem dan drama sewajarnya menerapkan pengamalan nilai murni dalam setiap hasil karya mereka supaya dapat dicontohi penonton.


Filem terap nilai integriti

Pengarah filem ulung, Tan Sri P Ramlee adalah contoh terbaik penggiat seni yang sering memasukkan elemen kritikan sosial dalam filem beliau. Filem Anak Bapak sebagai contoh menyelitkan pengajaran yang amat berharga dalam menerapkan nilai integriti dalam kehidupan seharian.

Satu dialog bermakna yang telah diungkapkan oleh P Ramlee ketika melakonkan wataknya, 'sekali orang tak percaya pada aku sampai mati orang tidak akan percaya.' Mesej yang sungguh jelas ingin disampaikan kepada semua supaya sentiasa menjaga integriti.

Sambungan di muka surat 15

WACANA BARU POLITIK MALAYSIA - PERSPEKTIF RUANG AWAM, BUDAYA DAN INSTITUSI




Publisher: Strategic Information and Research Development Centre

Published: 2012

Editor: Haris Zuan & Rizal Hamdan

Topik yang dibincang terarah kepada kemunculan 'politik baharu' yang berteraskan partisipasi dan tidak formal – landskap dan evolusi politik masyarakat sivil, politik budaya kumpulan seni, politik hak asasi manusia, persoalan gender, dan membaca Habermas dalam konteks Malaysia – bagaimana unsur-unsur politik baharu ini saling bertingkah dengan 'politik lama' yang formal dan procedural. Buku ini terdiri daripada sembilan bab, yang memberi perhatian kepada kedua-dua faktor – struktur dan juga agensi. Di ruangan kata pengantar, Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharudin merumuskan bahawa masyarakat Malaysia terus berkembang pantas, "namun kita masih mengekalkan moral politik yang terkawal."

CORRUPTION: ITS NATURE, CAUSES AND FUNCTIONS



Publisher: S. Abdul Majeed

Published: 1999

Author: Dr. Syed Hussein Alatas

The purpose of this book, according to Alatas, is to anatomise the phenomenon of corruption as it has unfolded throughout history and to enquire how different people have perceived it. Alatas draws on his long-standing interest of corruption to conduct a thorough exploration of the phenomenon.

Corruption, as defined by him, consists of these few characteristics: 1) a betrayal of trust; 2) deception of a public body, private institution or society at large; 3) deliberate subordination of common interests to specific interests; 4) secrecy of execution except in situations which allow powerful individuals or those under their protection to dispense with; 5) involvement of more than one person of party; 6) the presence of mutual obligations and benefits, in pecuniary or other forms; 7) the focusing of action on those who want definite decisions and those who can influence them; 8) the attempt to camouflage the corrupt act by some corrupt act by some form of lawful justification; and 9) the expression of a contradictory dual function by those committing the act.

These characteristics, which are instances of corrupt acts, argues Alatas, can be traced back to the times of Ancient China and the Roman Empire through to modern times. Alatas also proposes that corruption is further characterised through the acts of nepotism and autogenic corruption.



Kunjungan hormat Datuk Dr Anis Yusal Yusoff (kanan) ke pejabat Datuk Mohd Zuki Ali, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri.



Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff melakukan kunjungan hormat ke atas Jeneral (B) Tan Sri Yaacob Mohd Zain, Pengerusi Affin Hwang Capital (kanan).



Mesyuarat penyelarasan dihadiri wakil INTEGRITI dan PETRONAS bagi membincangkan penganjuran *National Integrity Convention 2017*.



Sesi bergambar selepas Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff menyerahkan laporan Profil Integriti Malaysia (MIP) kepada Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya Zulkurnain Che Ali (dua dari kiri). Turut hadir Penyelaras MIP Mohd Rais Ramli (paling kiri).

Sambungan dari muka surat 13

Amat penting bagi kita untuk sentiasa menjaga nilai-nilai murni dalam diri. Nilai integriti dalam pekerjaan umpamanya, dapat menjadi asas kukuh melahirkan generasi pemimpin pelapis untuk memacu negara ke tahap lebih baik.

Kenang kembali sejarah kejatuhan dinasti China bukan kerana kekalahan dalam berperang, tetapi kerana runtuhnya

nilai integriti pengawal yang menjaga pintu masuk dengan menerima rasuah pihak musuh.

Jadi, sempena meraikan sambutan kemerdekaan yang ke-60 tahun ini, marilah kita berikrar sentiasa amal nilai murni bukan hanya menjalankan tugas, bahkan menyemai dalam diri sendiri agar ia dapat berkembang dan menjadi prinsip

hidup.

Semoga IBR dan CIP yang diangkat bukan semata-mata untuk menyempurnakan sesi yang telah diatur SPRM, tetapi perjanjian ikhlas bagi menjamin keberkatan rezeki diperoleh dan meningkatkan jati diri ahli bangsa bertamadun dan berilmu.



www.integrity.my

